

UPM juara hoki TNB-KLHA

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) menjuarai kejohanan hoki wanita tujuh sebelah TNB/KLHA yang telah berlangsung di Stadium Hoki Kuala Lumpur, baru-baru ini.

UPM yang diketuai oleh A.Kannagi menewaskan Sekolah Sukan Bandar Penawar (SSBP) 3-0 pada peringkat akhir perlawanan untuk membawa pulang RM750 selaku juara sementara SSBP RM500.

Perlawanan yang dianjurkan oleh Persatuan Hoki Kuala Lumpur (KLHA) itu diadakan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Penaja utama ialah Tenaga Nasional Berhad (TNB) selain penaja sampingan iaitu Lembaga Sukan Wilayah Persekutuan dan Nestle (M) Berhad.

Pengurus Pasukan Wanita UPM, Wan Zaharuddin Wan Abdullah berkata, pasukan UPM menunjukkan prestasi cemerlang sebelum ini dengan muncul juara Kejohanan Hoki 6/7 Sebelah Terbuka Kuantan

menewaskan pasukan Kilat Ladies 1-0, 22 Februari lalu.

“Kejayaan tersebut menyuntik semangat kami untuk menjuarai Kejohanan Hoki TNB/KLHA pula iaitu kejuaraan kedua kami pada tahun ini,” katanya kepada *Mega*, baru-baru ini.

Pasukan UPM kini giat menjalani latihan bagi menghadapi persiapan Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang akan berlangsung Mei depan di Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Sementara itu, Setiausaha KLHA, V. Rajamanickam berkata, kejohanan Hoki TNB/KLHA telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah di kawasan Lembah Klang.

Sehubungan itu, beliau berharap kejohanan tersebut akan menjadi platform sekolah-sekolah untuk menonjolkan bakat pelajar.



BARISAN pemain pasukan hoki wanita UPM mengekalkan kejuaraan Kejohanan Hoki Terbuka Kuala Lumpur buat kali kedua, baru-baru ini.